

02 JAN 1998

Ghapur-tarik

GHAPUR TARIK BALIK PELETAKAN JAWATAN TIMBALAN KETUA MENTERI

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Datuk Ghapur Salleh hari ini menarik balik peletakan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Beliau mengumumkan keputusannya itu yang berkuatkuasa hari ini setelah mengadakan perjumpaan lebih sejam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini.

"Saya jumpa Perdana Menteri mengenai peletakan jawatan saya dan atas nasihat beliau dan Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) maka saya tarik balik peletakan semua jawatan berkuatkuasa hari ini," katanya kepada pemberita di luar pekarangan JPM.

Ghapur juga menarik balik peletakan jawatan sebagai Menteri Kewangan Sabah dan Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Sabah.

Beliau berkata keputusannya menarik balik peletakan dibuat atas nasihat Dr Mahathir.

Pada 13 Dis lepas, Ghapur mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri Sabah berkuatkuasa 18 Dis, dengan memberi alasan "masalah peribadi dan kegagalan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai anggota kabinet negeri."

Bagaimanapun dalam satu pertemuan dengan Dr Mahathir pada 19 Dis di sini, Perdana Menteri meminta beliau menimbang semula keputusannya itu.

"Beliau memberitahu saya pelbagai perkara tetapi saya tidak dapat huraikan kepada media, antaranya berkenaan dengan kepentingan negara dan negeri Sabah," kata Ghapur ketika ditanya mengenai pertemuan itu hari ini.

Katanya, beliau memang bercadang untuk menarik balik peletakan jawatannya selepas mengadakan perjumpaan pertama dengan Perdana Menteri.

"Malahan, selepas saya menemui Perdana Menteri tempoh hari, saya memutuskan untuk kembali (bertugas) tetapi oleh kerana beliau meminta saya bercuti, sayapun pergi bercuti," katanya.

Menurut Ghapur hanya hari ini beliau dapat menemui Dr Mahathir dan memberitahunya mengenai keputusan beliau.

Katanya setakat ini hanya Perdana Menteri dan Datuk Seri Anwar Ibrahim dimaklumkan mengenai penarikan balik peletakan jawatannya.

"Yang lain mungkin mengetahuinya menerusi media," kata beliau.

Katanya beliau akan kembali ke Sabah malam ini untuk memulakan tugas esok.

-- BERNAMA

MT MHI MAI